


Arahan-arahan Kesat Sendiri

UNTUK UJIAN CEPAT ANTIGEN ABBOT PANBIO



JANGAN TERUSKAN SEKIRANYA:



Hidung berdarah dalam masa 24 jam yang lalu



Hidung dibedah dalam masa 4 minggu yang lalu



Cedera di muka dalam masa 8 minggu yang lalu

ATURAN CARA MENGESAT

1

Sila cuci tangan anda sebelum memulakan ujian.



2

Sebelum memulakan ujian, sila keluarkan sebatang lidi pengesat, satu alat ujian, satu botol penampakan dan satu tiub perahan. Keluarkan alat ujian dari pembungkusannya.



3

Buka penutup botol penampakan. Pegang botol penampakan secara menegak dan isikan tiub perahan dengan cecair penampakan sehingga ia mengalir naik mencecah garisan Penuh tiub perahan tersebut.



4

Keluarkan lidi pengesat dari bungkusan.



5

Tusukkan lidi pengesat ke dalam lubang hidung sambil memutarnya dengan perlahan. Putarkan lidi itu 5 kali.

2.0 cm



6

Lakukan yang sama pada lubang hidung yang satu lagi dengan pengesat yang sama.

2.0 cm




7

Putarkan hujung pengesat dalam cecair penampakan pada dinding tiub perahan tersebut sebanyak sekurang-kurangnya 5 kali.




8

Apit tiub reagent semasa memerah pengesat tersebut.



9

Patahkan pengesat di takat putusnya dan biarkan pengesat di dalam tiub tersebut. Tutup penutup tiub perahan tersebut.



10

Gunakan jari anda untuk menepuk dengan lembut pada tepi tiub tersebut beberapa kali. Ini akan membancuh larutan tersebut.




11

Buka penutup muncung di bahagian bawah tiub perahan tersebut.



12


Perahkan 5 titisan larutan tersebut ke dalam liang spesimen pada alat ujian. Tutup penutup muncung apabila anda sudah selesai.



13

Tunggu sehingga 15 minit sebelum memeriksa keputusan pada kartrij ujian tersebut. Sila pastikan kartrij tersebut diletakkan atas permukaan yang rata semasa tempoh ini.

15 mins



14

Baca keputusan pada kartrij ujian tersebut. **Jika anda nampak satu garisan muncul di kedua-dua kedudukan "C" dan "T", ini menandakan keputusan ujian yang positif. Sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera untuk penilaian selanjutnya dan ujian pengesahan.**

Jika anda nampak satu garisan muncul di kedudukan "C" sahaja, ini menandakan keputusan ujian negatif.

Jika anda nampak satu garisan muncul hanya di kedudukan "T", keputusan ujian itu tidak sah. Sila ulang semula ujian menggunakan kelengkapan ujian yang lain.

15

Buang semua lidi pengesat, tiub reagent dan kartrij ujian yang telah digunakan ke dalam beg biobahaya.




16


Cuci tangan anda selepas ujian tersebut.




POSITIF



NEGATIF



TIDAK SAH



"C" Control Line
"T" Test Line